

**Tian Chua, Haris, Tamrin dan Safwan didakwa di bawah Akta Hasutan
Malaysian Insider
Mei 29, 2013
Oleh Md Izwan**

KUALA LUMPUR, 29 Mei — Empat individu yang ditahan semalam oleh pihak polis telah didakwa hari ini dibawah Akta Hasutan 1948, beberapa hari selepas aktivis mahasiswa Adam Adli Abdul Halim didakwa dibawah akta sama.

Tiga diantaranya — Naib Presiden PKR Chua Tian Chang, aktivis Haris Ibrahim dan ahli PAS Tamrin Ghafar — ditahan semula oleh polis semalam beberapa hari selepas majistret enggan memberikan perintah reman untuk ketiga-tiga mereka, manakala seorang aktivis mahasiswa Safwan Anang turut ditahan petang semalam.

Individu tersebut yang didakwa dibawah Seksyen 4 (1) (b) mengaku tidak bersalah dan meminta kes dibicarakan selepas pertuduhan dibacakan di Majistret 1, Mahkamah Jalan Duta, di sini hari ini.

Kesemua mereka dibebaskan dengan ikat jamin sebanyak RM5,000. Hakim Norsharidah Awang menetapkan 2 Julai 2012 sebagai tarikh perbicaraan.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/tian-chua-haris-tamrin-dan-safwan-didakwa-di-bawah-akta-hasutan/>